

**MEMPERKASA DARUL QURAN**  
**KE ARAH MEMARTABAT PENDIDIKAN TAHFIZ DI MALAYSIA<sup>1</sup>**

Oleh:  
Dr. Nordin Bin Ahmad

**ABSTRAK**

Permintaan yang tinggi terhadap pendidikan tahfiz al-Quran di institusi tahfiz seluruh negara khususnya Darul Quran Jakim melihatkan bidang hafazan al-Quran menjadi antara pilihan pelajar masakini. Rentetatan itu, Darul Quran Jakim sebagai sebuah institusi pendidikan tahfiz tersohor di negara ini mengambil langkah memperkasakan lagi bidang pendidikan tahfiz al-Quran agar setaraf dengan bidang pendidikan arus perdana yang lain. Beberapa langkah pemerksaan yang telah, sedang dan akan diambil meliputi 10 aspek iaitu pemerksaan pengurusan pendidikan, peningkatan keupayaan modal insan, pemerksaan program pengajian, pembudayaan penyelidikan dan pembangunan dalam pendidikan al-Quran, pemerksaan fungsi Darul Quran sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan al-Quran di Malaysia, pengwujudan dan pemantapan jaringan kerjasama strategik di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa dalam pembangunan pendidikan al-Quran, pemerksaan prasarana, penampilan identiti dan imej korporat Darul Quran, pemerksaan kualiti dan kebolehpasaran pelajar serta pemerksaan Darul Quran sebagai Pusat Rujukan Masyarakat Dalam Pendidikan al-Quran. Pelaksanaan program pemerksaan yang disarankan, diharap mampu melonjakkan Darul Quran sebagai satu pusat rujukan yang berwibawa dalam pengajian ilmu al-Quran dan tahfiz sekaligus dapat melakar transformasi mencipta kecemerlangan menjelang 50 tahun penubuhannya pada 2016.

**1. PENDAHULUAN**

Di Malaysia, sejak kebelakangan ini pengajian dalam bidang tahfiz al-Quran semakin mendapat sambutan yang memberansangkan. Ini terbukti daripada jumlah bilangan permohonan calon-calon untuk memasuki institusi-institusi dan pusat-pusat tahfiz setiap tahun yang amat

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan dalam Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara Dan Multaqa Huffaz Kali Ke IV pada 1 hingga 3 Jun 2015 yang dianjurkan oleh Darul Quran Jakim bertempat di Dewan Datuk Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia, Bandar Baru Bangi, Selangor.

menggalakkan<sup>2</sup> samada di pusat-pusat dan ma'ahad-ma'ahad Tahfiz yang diasaskan secara persendirian atau di bawah kelolaan kerajaan negeri maupun persekutuan. Situasi ini berbeza dari keadaan di awal kemunculannya kerana ketika itu pengajian tahfiz dilihat sebagai terasing dan tidak menjanjikan peluang pekerjaan meskipun pada hakikatnya masyarakat Islam di Malaysia telah lama diperkenalkan dengan pengajian al-Quran iaitu sejak Islam mula bertapak di tanah nusantara sekian lama dahulu<sup>3</sup>.

Justeru, institusi-institusi tahfiz di negara ini perlu diperkasakan agar setaraf dengan bidang pendidikan arus perdana yang lain. Dalam konteks ini, perhatian dan inisiatif yang serius<sup>4</sup> telah, sedang dan akan dilakukan oleh kerajaan negeri dan persekutuan bagi memastikan institusi-institusi tahfiz ini di perkasakan selaras dengan hasrat untuk memartabatkan pendidikan tahfiz dan pengajian al-Quran.

## **2. PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN DARUL QURAN SEBAGAI INSTITUSI PENDIDIKAN TAHFIZ**

### **2.1. Sejarah Penubuhan Darul Quran**

Darul Quran adalah salah sebuah pusat akademik yang ditubuhkan di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)<sup>5</sup>. Ia merupakan sebuah institusi pendidikan terawal di

---

<sup>2</sup> Permintaan untuk memasuki Program Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat di Darul Quran pada tahun ini adalah seramai 3,500 permohonan berbanding 250 tempat yang ditawarkan. Jumlah permohonan ini dilihat sebagai memberansangkan meskipun syarat kelayakan dipertingkatkan.

<sup>3</sup> Pendidikan Islam dan tradisional Melayu pada zaman awal Tanah Melayu lebih memfokuskan kepada pengajian Al-Quran. Jenis pendidikan ini dipanggil pengajian Al-Quran di kediaman. Kelas-kelas Al-Quran telah dijalankan oleh pemimpin masjid tempatan atau guru-guru agama. Orang Melayu benar-benar terikat dengan sistem tradisional ini. Walau bagaimanapun pihak British pada suku ketiga tahun 1890an telah memperkenalkan konsep pemisahan antara ilmu sekular dengan ilmu agama di sekolah-sekolah Melayu dalam usaha untuk mensekularkan pemikiran orang Melayu. Mereka membahagikan sesi persekolahan kepada waktu pagi dan petang. Pembahagian dan pemecahan dua pendidikan sekular dan agama adalah seperti berikut:

*The Koran may be taught in the school, but it must be kept strictly from the non-Malay... The morning lessons must be devoted to instruction in Malay. The Koran must be confined to the afternoon... The government allowance to the teacher was made on account of the Malay lessons only. The parents should assist in paying the master for teaching the Koran.* (Lihat Phillip Loh Fook Seng [1975], **Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874-1940**, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hal. 13.)

<sup>4</sup> Cadangan pemeraksanaan Darul Quran dibentang dan dibincangkan dalam Mesyuarat Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam yang telah diadakan pada 6 April 2015. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan keahliannya melibatkan Menteri-menteri Besar.

<sup>5</sup> Pusat-pusat akademik di bawah kelolaan Jakim yang lain ialah Institut Kemahiran Islam Sarawak (IKMAS) yang beroperasi di Telaga Air, Sarawak dan Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah (IPDAS) bertempat di Keningau Sabah. *Niche area* bagi kedua-dua pusat akademik ini adalah berteraskan pengajian Islam dan dakwah.

Malaysia yang menawarkan pengajian dalam bidang al-Quran dan tahfiz al-Quran dan menjadikan *hifz al-Quran* sebagai kursus teras pengajian (*niche area*) di samping disepadukan dengan bidang pengkhususan lain seperti qiraat, dakwah, syariah, hadith, muamalat dan pengurusan halal.

Darul Quran ditubuhkan pada tahun 1966 hasil cetusan idea<sup>6</sup> Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Penubuhan Darul Quran bertujuan antara lainnya adalah untuk melahirkan *huffaz, qurra' dan duat* yang berwibawa. Pada peringkat permulaan, iaitu dari tahun 1966 hingga tahun 1978, pengajian ini diwujudkan dalam bentuk Kelas Pengajian<sup>7</sup> Menghafaz Al-Quran Dan Ilmu Qiraat. Pengurusan kelas pengajian ini diletakkan di bawah kelolaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Pada tahun 1972, Kelas Pengajian Tahfiz Al-Quran ini ditukar nama kepada “Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat”. Pada awal tahun 1979 Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat diletakkan pula di bawah kelolaan Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1980. Selepas itu Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat dipindahkan ke Bangunan JKR 588/33, Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur dan dan kemudiannya diletakkan di bawah kelolaan Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1983. Pada tahun 1983 nama Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat telah ditukar kepada Institut Pengajian Tahfiz al-Quran Wa al-Qiraat (IPTQ). Pada tahun 1984, Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat telah dijadikan sebagai sebuah Cawangan di Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri dengan mempunyai organisasinya yang tersendiri.

---

<sup>6</sup> Hasrat untuk mewujudkan sebuah Institut Pengajian al-Quran di Malaysia ini telah dilahirkan dalam ucapan sewaktu perasmian Masjid Negara yang turut dihadiri Rektor Universiti Al-Azhar, Sheikh Mahmud Syaltut. Idea ini lahir ekoran daripada penganjuran Musabaqah Al-Quran yang diadakan semenjak tahun 1960.

<sup>7</sup> Pada peringkat awal, kelas pengajian dilaksanakan di Dewan Syarahan Masjid Negara bermula pada 1 Mac, 1966 dengan bilangan pelajar pada masa itu seramai 8 orang sebagai perintis yang dipilih dan dihantar oleh negeri-negeri di Malaysia di mana pengetuanya yang pertama ialah Syeikh Mohd Noor. Pada peringkat berikutnya operasi Maahad Tahfiz terpaksa berpindah beberapa kali di beberapa premis bangunan di sekitar Kuala Lumpur dan selangor kerana ketiadaan kampus tetap.

Kemudiannya, pada Tahun 1992, Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat dipindahkan ke sebuah bangunan yang disewa di Taman Tun Dr. Ismail bagi penempatan pelajar-pelajar lelaki. Manakala pelajar-pelajar perempuan pula ditempatkan di Jalan Ledang sehinggalah kemudiannya pada tahun 1994, pelajar-pelajar perempuan juga turut berpindah ke Taman Tun Dr. Ismail, manakala pelajar lelaki pula dipindahkan ke Batu 14 Sg. Semunggis, Hulu Langat, Selangor. Pada tahun 1997, Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat telah dinaikkan taraf sebagai salah satu bahagian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan diberi nama Darul Quran. Akhirnya setelah beberapa kali berpindah tempat dan dengan persetujuan kerajaan negeri Selangor pada masa tersebut, maka pada 1 November 1998, Darul Quran ditempatkan ke kampus tetap di Kompleks Darul Quran di Ampang Pecah Kuala Kubu Bharu, Selangor. Kampus tetap ini mampu untuk menempatkan pelajar seramai 1000 orang pada satu-satu masa dan mempunyai kemudahan serta infrastruktur yang lebih baik untuk kemudahan pelajar dan kakitangan.

## **2.2. Pengiktirafan Dan Pengembangan Program Pengajian**

Sepanjang penubuhannya, Darul Quran telah menunjukkan beberapa perkembangan yang memberangsangkan. Antaranya ialah pada 16 April 1983 Sijil Pengajian Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat telah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai bertaraf diploma yang setaraf dengan diploma institusi-institusi pengajian tinggi yang lain. Diploma ini melayakkan pemegang diploma tersebut menjawat jawatan dalam Perkhidmatan Awam. Diploma ini juga diiktiraf oleh universiti-universiti tempatan dan luar negara<sup>8</sup> untuk membolehkan pemegang diploma tersebut mengikuti pengajian di universiti berkenaan.<sup>9</sup>

Bermula tahun 1983 juga, Darul Quran meningkatkan peranannya sebagai pelopor kepada perkembangan pengajian Tahfiz al-Quran wal Qiraat di Malaysia, dengan menawarkan kemasukan pelajar tahfiz diambil setiap tahun di mana sebelum itu pengambilan pelajar dibuat setiap 3 tahun sekali.

---

<sup>8</sup> Antara institusi tersebut ialah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Negeri Sultan Syariff Kasim Riau, Indonesia dan Universiti Al-Azhar, Mesir.

<sup>9</sup> Selaras dengan pengiktirafan tersebut mata pelajaran dan masa pengajian ditambah mengikut standard dan keperluan. Umpamanya penambahan subjek yang berkaitan dengan hafazan Al-Quran dan Qiraat seperti *Hifzul Mutun*, *Fawasil*, *Rasm*, dan lain-lain di samping penambahan masa pengajian mata pelajaran Qiraat 2 jam seminggu

Perkembangan program pengajian tahfiz al-Quran di Malaysia terus mencapai kecemerlangan apabila pada tahun 1999 Program Diploma Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat menukar sistem pengajiannya daripada sistem penggal kepada sistem semester selaras dengan arus perkembangan pengajian yang diamalkan di peringkat nasional dan antarabangsa. Ekoran daripada itu, kurikulum-kurikulum pengajian di Darul Quran disemak semula<sup>10</sup> mengikut keperluan sistem semester dan keperluan institusi-institusi pengajian tinggi bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Bermula dari tahun 1986, perkembangan pengajian tahfiz al-Quran semakin meningkat dan mula tersebar di negeri-negeri di Malaysia apabila banyak kerajaan negeri menubuhkan Ma'ahad Tahfiz Al-Quran. Sebagai langkah memperkasa pengajian tahfiz al-quran, Darul Quran telah melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) menerusi kerjasama strategik bersama Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) untuk memperkembang dan meluaskan bidang pengajian tahfiz al-Quran Negara. Pada tahun 1987, Darul Quran mula mengorak langkah bekerjasama dengan MTQN di bawah kerajaan negeri yang diselia oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bagi menawarkan Program Diploma Tahfiz al-Quran. Antara maahad tahfiz terawal yang menjalinkan kerjasama ialah Maahad Tahfiz Negeri Johor, Terengganu dan Kedah. Sehingga kini, sebanyak 14 buah MTQN<sup>11</sup> telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Darul Quran, Jakim.<sup>12</sup> dan seramai 1,707 orang graduan MTQN telah dianugerahkan Diploma Tahfiz al-Quran.

Perkembangan pengajian Tahfiz Al-Quran menjadi semakin menarik apabila Darul Quran meningkatkan pengambilan pelajar dari 20 orang pada tahun 1980-an kepada 40 orang pada awal

---

10 Sehubungan dengan itu, kurikulum Qiraat dipertingkatkan dengan penyusunan baru Subjek Qiraat Ilmi dan Amali dan masa pembelajaran ditambah menjadi 4 jam seminggu, begitu juga bagi Subjek Pengajian Tahfiz Al-Quran yang berkaitan ditambah mengikut pengajian yang ditawarkan di Maahad Qiraat Syoubra. Antara Subjek yang ditambah dalam Program Diploma Tahfiz Al-Quran dan Qiraat ialah Subjek *Tarikh Qurra'*, *Tarikh Mashaf* dan *Dhobt Quran* dengan matapelajaran sedia ada dikekalkan.

11 Sehingga tahun 1996, kesemua negeri di Malaysia telah menyertai program pengajian tahfiz al-quran bersama Darul Quran di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) kecuali Sarawak.

12 Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri terbabit ialah MTQN Negeri Pahang, MTQN Negeri Perak, MTQN Yayasan Islam Perlis, MTQN Masjid Sayyidina Ali, Bukit Katil, Melaka, MTQN Yayasan Islam Negeri Kedah, MTQN Negeri Kelantan, MTQN Negeri Sabah, Institut Al-Quran Terengganu, Institut Pengajian Islam Terengganu, Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan, Kolej Pengajian Islam Johor, Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang dan Institut Kemahiran Islam Malaysia, Sarawak.

tahun 1990-an. Dalam tempoh ini juga Darul Quran mula membuat pengambilan yang melibatkan pelajar-pelajar perempuan bermula pada tahun 1990. Sehingga Kompleks tetap Darul Quran di Kuala Kubu Bharu, Selangor siap digunakan pada awal tahun 1999, bilangan pengambilan pelajar ditambah kepada jumlah yang lebih ramai melibatkan ratusan pelajar. Apabila fasa kedua pembinaan Darul Quran siap pada tahun 2003, pengambilan pelajar meningkat sehingga mencecah bilangan seramai 230 orang setahun dan sehingga ke hari ini jumlah kemasukan pelajar diploma setiap tahun adalah 250 orang termasuk pelajar-pelajar daripada Republik Singapura, Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Thailand dan Kemboja.<sup>13</sup>

Pada masa ini terdapat 6 Syukbah<sup>14</sup> Program Diploma yang dijalankan di Darul Quran iaitu:

- i. Diploma Tahfiz Al-Quran Syukbah Qiraat.
- ii. Diploma Tahfiz Al-Quran Syukbah Dakwah.
- iii. Diploma Tahfiz Al-Quran Syukbah Syariah
- iv. Diploma Tahfiz Al-Quran Syukbah Hadis.
- v. Diploma Tahfiz Al-Quran Syukbah Muamalat.
- vi. Diploma Tahfiz Al-Quran Syukbah Pengurusan Halal.

Pada tahun 2000, Darul Quran meluaskan jaringan strategik bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), untuk menawarkan program pengajian di peringkat pensijilan.<sup>15</sup> Lepas program ini disalurkan ke UIAM bagi mengikuti pengajian dalam bidang

---

<sup>13</sup> Jumlah keseluruhan pelajar-pelajar Darul Quran kini yang melibatkan pelajar pengajian ijazah, diploma dan pensijilan adalah seramai 985 orang. Sejak ditubuhkan sehingga tahun 2015, Darul Quran telah menerima seramai 5,883 pelajar dari dalam negara dan luar negara. Hingga tahun 2014, Darul Quran telah berjaya mengeluarkan seramai 5,553 orang graduan iaitu 97 orang graduan Ijazah Sarjana Muda, 4,169 orang graduan Diploma Tahfiz al-Qur'an dan 1,287 orang graduan Pensijilan Tahfiz al-Qur'an

<sup>14</sup> Pembiayaan program pengajian ini ditanggung sepenuhnya oleh Darul Quran dan tiada sebarang yuran pengajian dikenakan, malah setiap pelajar diberi elaun bulanan sebanyak RM 450.00 merangkumi elaun makan dan sara hidup..

<sup>15</sup> Program ini ditawarkan kepada pelajar lulusan SPM yang mendapat keputusan cemerlang untuk ditempatkan di Darul Quran. Pelajar-pelajar ini akan melalui tempoh pengajian selama 18 bulan di Darul Quran. Selepas tamat pengajian mereka akan terus ditempatkan di Pusat Asasi UIAM dalam bidang profesional seperti perubatan, farmasi, kejuruteraan, senibina, ekonomi dan sains pengurusan. Cadangan program berkembar ini tercetus apabila Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Sidek Baba selaku Ahli Lembaga Pengarah Darul Quran telah membentangkan satu kertas kerja yang bertajuk "Perancangan Masa depan Program Akademik Darul Quran" di dalam Muzakarah Masa depan Darul Quran pada 21-22 Februari 2000. Beliau telah turut mencadangkan agar Darul Quran memainkan peranan bukan sahaja melahirkan Hafiz dan Hafizah yang berketramampilan dalam bidang agama, malah layak menjadi ahli sains dan

perubatan, kejuruteraan, farmasi dan seni bina. Darul Quran juga telah menandatangani MoU dengan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan *Cyberjaya University College of Medical Sciences* (CUCMS) bagi menjalankan Program Pensijilan Tahfiz al-Quran. Jaringan kerjasama ini bertujuan untuk melahirkan graduan-graduan profesional yang hafiz al-Quran.

Darul Quran seterusnya memperkasa penawaran pengajiannya dengan melaksanakan program Ijazah Sarjana Muda Pengajian al-Quran dan Sunnah dengan Kepujian secara kerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bermula tahun 2009.<sup>16</sup> Program kerjasama ini dilaksanakan sepenuhnya di Darul Quran dengan menggunakan tenaga pensyarah sedia ada dan dibantu oleh pensyarah yang dilantik secara sambilan daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang lain. Program ini telah mendapat pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 17 Januari 2012.

Dalam konteks memasyarakatkan Darul Quran, beberapa program diperkenalkan bagi membolehkan umat Islam yang berminat mengikuti aktiviti yang dianjurkan seperti Program Persijilan Tinggi Tarannum al-Quran yang dirangka khusus untuk melahirkan generasi al-Quran yang dapat mengembalikan tradisi kegemilangan ilmuwan Islam dalam usaha memartabatkan agama bangsa dan negara di mata dunia.<sup>17</sup> Darul Quran juga telah mewujudkan Sijil Tahfiz Malaysia (STM) bagi memberi pengiktirafan kepada para huffaz di negara ini, dan pada peringkat permulaan seramai 51 calon telah lulus dan layak menerima Sijil Tinggi Malaysia.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1966 sehingga ke hari ini, Darul Quran telah memberi imej positif kepada Jakim. Darul Quran sendiri telah memperoleh pelbagai pencapaian yang boleh

---

professional yang berwibawa. Hasilnya, Darul Quran telah mengambil 7 orang pelajar yang telah mendaftarkan diri sebagai perantis program persijilan.

<sup>16</sup> Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ini adalah hasil daripada perbincangan di Mesyuarat Lembaga Darul Quran yang diadakan pada 15 Julai 2006. Bagi peringkat permulaan, program ini ditawarkan kepada 50 orang pelajar Darul Quran dan pelajar Maahad Tahfiz Quran Negeri (MTQN). Jangka masa pengajian bagi program ini adalah 3 tahun.

<sup>17</sup> Program ini dilaksanakan bertujuan untuk menjana qari dan qariah yang berkemampuan tinggi dan sekaligus mampu memikul cabaran yang diamanahkan oleh negara. Cadangan pelaksanaan program ini adalah idea Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Y.B Dato' Dr. Abdullah Bin Md Zin yang mahukan umat Islam di Malaysia benar-benar mendalami seni bacaan al-Quran. Beliau berharap agar Malaysia tidak akan keputusan generasi yang mahir dalam bidang al-Quran amnya dan bidang Tarannum khususnya. Program ini dikhususkan kepada semua masyarakat Islam terutama kepada mereka yang mempunyai pengalaman mewakili daerah dan negeri dalam ujian tilawah al-Quran. Pengisian program ini meliputi kaedah pengajian secara kuliah, tutorial, latihan praktikal dan perbincangan.

menaikkan imej Jakim di mata masyarakat. Antaranya, Darul Quran merupakan satu-satunya institusi di bawah Jakim yang telah mendapat pengiktirafan Sijil MS ISO 9001:2008. Ini menunjukkan bahawa kualiti penyampaian dan perkhidmatan pelanggan di Darul Quran telah mudah diiktiraf sekaligus memberi imej positif kepada Jakim.

### 3. PEMERKASAAN DARUL OURAN

Sungguhpun pelbagai langkah telah diambil untuk meningkatkan pengurusan dan pencapaian Darul Quran, namun masih banyak aspek dan ruang boleh diperkasakan<sup>18</sup> bagi memartabatkan Darul Quran sebagai institusi pengajian tahfiz terunggul di peringkat nasional, nusantara dan antarabangsa. Skop pemerksaan ini perlu bersifat komprehensif meliputi aspek-aspek memperkasakan identiti dan imej korporat agar setaraf dengan institusi pengajian tinggi tempatan yang lain, pemantapan penstrukturan organisasi, peningkatan kualiti pensyarah, pengembangan program pengajian, penarafan dan pengiktirafan, pemantapan keupayaan kepimpinan,<sup>19</sup> pembentukan budaya serta tadbir urus gemilang,<sup>20</sup> pemantapan pengurusan organisasi,<sup>21</sup> dan menjana daya saing institusi tahfiz.<sup>22</sup>

---

<sup>18</sup> Penilaian keunggulan dan kualiti sesebuah universiti atau institusi pengajian tinggi juga, sering terikat dengan penarafan. Dalam era globalisasi hari ini, kecemerlangan sesebuah institusi pengajian tinggi boleh dikenal pasti melalui kepimpinan yang berwibawa, penjanaan budaya kreatif dan kredibiliti ahli akademiknya yang disanjung seluruh dunia kerana memiliki tahap kemahiran yang tinggi. Institusi pengajian tinggi yang cemerlang juga kerap diminta membantu dan menjadi bahan rujukan serta berperanan sebagai penggubal dasar, penasihat dan pelaksana dasar-dasar berkaitan dengan kepakaran yang dimilikinya. Pemerksaan institusi pengajian tinggi meliputi pelbagai aspek yang antaranya termasuk aspek integriti, akauntabiliti, *good governance* dan autonomi.

<sup>19</sup> Peranan pemimpin Darul Quran adalah kritikal dalam menentukan hala tuju, merangka strategi serta mengemblem sumber secara bijak untuk mencapai matlamat organisasi. Kepimpinan yang berkesan mampu mencetuskan inspirasi serta memenangi hati dan fikiran warga organisasi untuk membuat anjakan paradigma dan perubahan minda bagi melihat keadaan semasa dengan perspektif baru. Kepimpinan Darul Quran juga amat penting dalam menggerakkan inisiatif baru, meningkatkan kreativiti dan inovasi, menyuburkan budaya ilmu serta menggalakkan warga organisasi mencabar *status quo*.

<sup>20</sup> Darul Quran perlu meningkatkan imej serta membentuk budaya kerja baru yang berteraskan profesionalisme, tadbir urus yang baik dan bersedia melakukan perubahan untuk memastikan kewujudannya sentiasa relevan dengan tuntutan masa dan persekitaran.

<sup>21</sup> Pengurusan Darul Quran yang gemilang perlu berpaksikan kepada tahap profesionalisme yang tinggi di dalam memberi perkhidmatan kepada pelajar. Dalam masa yang sama, Darul Quran perlu mempunyai ciri-ciri responsif dan peka dengan kehendak pelanggan, mempamerkan imej yang bersih, mempunyai warga organisasi yang komited, membudayakan ilmu serta mengutamakan prestasi.

<sup>22</sup> Faktor keberadaan dalam “zon selesa” dan kurang berdaya saing menyebabkan prestasi dan perkembangan Darul Quran bergerak perlahan. Justeru, Darul Quran perlu melakukan perubahan secara holistik bagi meningkatkan kedudukan daya saing melalui langkah-langkah transformasi.



Menjelang 50 tahun kewujudannya pada 2016, sudah tiba masanya untuk Darul Quran melakar transformasi mencipta kecemerlangan<sup>23</sup> untuk muncul sebagai sebuah institusi pengajian tahfiz tersohor dalam *niche area* yang tersendiri. Sebagai institusi pendidikan tahfiz yang cemerlang, Darul Quran sewajarnya memainkan peranan penting bukan sahaja untuk melahirkan sumber manusia yang profesional bertaraf dunia dalam bidang-bidang pendidikan al-Quran, malah membangunkan potensi modal insan yang dapat memenuhi dan meningkatkan peradaban ummah.

### **3.1. Dimensi Pemerksaan Darul Quran**

Dalam usaha memantapkan pemerksaan Darul Quran sebagai sebuah institusi pendidikan tahfiz tersohor di negara ini, beberapa langkah telah, sedang dan akan diambil meliputi 10 aspek pemerksaan iaitu pemerksaan pengurusan pendidikan, peningkatan keupayaan modal insan, pemerksaan program pengajian, pembudayaan penyelidikan dan pembangunan dalam pendidikan al-Quran, pemerksaan fungsi Darul Quran sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan al-Quran di Malaysia, pengwujudan dan pematapan jaringan kerjasama strategik di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa dalam pembangunan pendidikan al-Quran, pemerksaan prasarana, penampilan identiti dan imej korporat Darul Quran, pemerksaan kualiti dan kebolehpasaran pelajar serta pemerksaan Darul Quran sebagai Pusat Rujukan Masyarakat Dalam Pendidikan al-Quran.

#### **3.1.1. Pemerksaan Pengurusan Pendidikan<sup>24</sup>**

Isu-isu baru dalam bidang pendidikan yang semakin kompleks memerlukan kefahaman dan pentaksiran semula konsep-konsep kepimpinan dan pengurusan. Sebuah institusi pendidikan

---

<sup>23</sup> Kecemerlangan dan kualiti memainkan peranan penting dalam kemajuan dan proses pendidikan alaf baru. Oleh itu, institusi-institusi pendidikan saling bersaing antara satu sama lain dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti bukan sahaja untuk menjamin kejayaan para pelajar, malah menjaga nama baik institusi itu sendiri. Persaingan antara institusi pendidikan untuk menjadi institusi terulung kerana pelajar lebih cenderung untuk memilih institusi pengajian yang berkualiti, bereputasi tinggi dan mempunyai kurikulum yang mantap. Situasi ini juga didorong oleh faktor permintaan majikan yang memerlukan graduan yang berkebolehan dan berketrampilan.

<sup>24</sup> Pengurusan pendidikan adalah satu lapangan iktisas yang merupakan bidang kerja berdasarkan penggunaan ilmu yang mendalam. Oleh itu, ia memerlukan pengamal-pengamalnya menjalani pendidikan atau latihan formal yang agak panjang bagi membolehkan penguasaan dalam bidang iktisas itu. Manakala para pengurus pula, selalu melihat diri mereka sebagai mempunyai keupayaan untuk mengalih panduan organisasi yang mereka pimpin. Mereka menerima kedudukan baru dengan harapan akan memperbaiki masalah yang dihadapi oleh pentadbir sebelumnya (Aminuddin, 1994).

yang berkesan dan cemerlang selalunya diterajui oleh seorang pengurus atau pemimpin yang berkesan dan cemerlang. Keberkesanan dan kecemerlangan tersebut didasari oleh kemampuan dan keupayaan untuk menangani isu-isu kepimpinan dan pengurusan secara berkesan dan cemerlang. Dalam konteks ini Darul Quran berusaha ke arah mewujudkan sistem pengurusan pendidikan yang baik bukan sahaja bagi memastikan melicinkan perjalanan pentadbirannya, malahan dapat menghasilkan produk iaitu pelajar yang mampu memenuhi kehendak pasaran. Oleh itu, pengurusan Jakim dan Darul Quran mengambil inisiatif mengatur usaha memperkasakan kualiti pendidikannya pada semua peringkat<sup>25</sup> bagi meningkatkan kecekapan dalam pengurusan pendidikan institusi pendidikan tahfiz ke arah merealisasikan matlamat untuk memperkenalkan Darul Quran sebagai pusat akademik tahfiz terulung di rantau ini.

Dalam konteks ini, beberapa langkah sedang dilaksanakan bagi memastikan beberapa standard pengurusan pendidikan dipraktikkan dengan berkesan oleh pentadbir-pentadbir di Darul Quran, antaranya pengurusan dan kepimpinan organisasi yang strategik, pengurusan kurikulum yang berinovasi, pengurusan kokurikulum, pengurusan hal-ehwal murid, pengurusan kewangan, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal yang kondusif, pengurusan dan pembangunan sumber manusia serta pengurusan perhubungan luar.

### **3.1.2. Peningkatan Pengupayaan Modal Insan Institusi Tahfiz**

Peningkatan pengupayaan modal insan institusi tahfiz boleh dilakukan melalui memperkasakan kepemimpinan dan tenaga pengajar Darul Quran dan Maahad-Maahad Tahfiz Negeri (MTQN)

#### **a) Pemerkasaan Kepimpinan dan Urus Tadbir Darul Quran**

Keunggulan sesebuah institusi pengajian tinggi juga banyak bergantung kepada kekuatan tenaga pentadbir dan kakitangan sokongan. Kedua-dua kumpulan ini menjadi tulang belakang utama kepada sesebuah institusi pengajian tinggi menerusi peranan mereka dari sudut kepimpinan, tadbir urus dan pengurusan yang berwawasan serta berkesan. Justeru, tenaga akademik,

---

<sup>25</sup> Memperkatakan tentang kualiti pendidikan tidak dapat tidak dari membincangkan tentang hasil pembelajaran yang diterima oleh pelajar dan keadaan persekitaran institusi pendidikan itu sendiri. Meningkatkan kualiti pengurusan pendidikan meliputi pendidikan guru, kelengkapan institusi, keperluan alat bantu mengajar, pengurusan peperiksaan, kelayakan pensyarah, kualiti kurikulum dan sebagainya.

kumpulan pentadbir dan kakitangan sokongan juga perlu diberikan penekanan dalam pembangunan modal insan dengan minda kelas pertama

Pemeriksaan kepimpinan dan kepemimpinan dirancang bagi melahirkan generasi pemimpin yang berkualiti, holistik dalam pembangunan pengetahuan, berkemahiran, intelektual, berdaya saing, kreatif dan inovatif di samping memberi fokus kepada urusan tadbir, kepimpinan, pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dan pembangunan. Dalam masa yang sama, pemantapan struktur organisasi dilakukan bagi mencapai matlamat memperkasakan tadbir urus Darul Quran supaya setanding dengan IPT terkemuka di samping memperkasakan pengurusan institusi yang berkesan dan berintegriti supaya memberi rangsangan yang sesuai untuk suasana pembelajaran.

Dalam konteks pemeriksaan kepemimpinan, para pentadbir Darul Quran dipupuk bagi menguasai kemahiran strategik sesuai dengan keperluan semasa serta berkeupayaan menjana idea yang dinamik bagi mewujudkan pengkayaan ilmu, mempromosikan pemikiran cara baru dan menyemai pendidikan yang berkualiti. Dalam hal ini, barisan pemimpin Darul Quran memainkan peranan bukan sahaja sebagai ahli akademik profesional yang memiliki ilmu pengetahuan yang luas, tetapi juga mahir dalam amalan kepimpinan instruksional,<sup>26</sup> malah menguasai aspek profesional dan amalan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan organisasi termasuk pengurusan kewangan, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal, pengurusan dan pembangunan sumber manusia dan pengurusan perhubungan lain.

---

<sup>26</sup> Alimuddin (2010) menjelaskan seorang pemimpin instruksional yang menjadi agen perubahan dan mewujudkan persekitaran di sekolah yang kondusif dapat memberi impak yang signifikan dalam kecemerlangan pelajar. Kepimpinan instruksional mempunyai empat dimensi dan enam belas elemen iaitu dimensi pertama membentuk misi dan matlamat dengan dua elemen iaitu (i) merangka matlamat sekolah/institusi pengajian dan (ii) menyampaikan matlamat sekolah/ institusi pengajian. Dimensi ketiga mempromosi iklim pembelajaran akademik mempunyai elemen-elemen (i) membentuk piawai dan harapan positif, (ii) mengekalkan visibiliti yang tinggi, (iii) menyediakan insentif kepada guru dan pelajar, (iv) menggalakkan perkembangan profesional. Dimensi keempat membentuk suasana sekolah/ institusi pengajian yang mesra dan saling membantu mempunyai elemen-elemen (i) mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat dan teratur, (ii) menyediakan peluang penglibatan pelajar yang bermakna, (iii) memupuk kerjasama dan kejelekitan dalam kalangan staf, (iv) mendapatkan sumber luar untuk menyokong matlamat sekolah/ institusi pengajian dan (v) menjalin hubungan antara rumah dan sekolah/ institusi pengajian. Dimensi kedua ialah pengurusan pendidikan meliputi elemen-elemen (i) menggalakkan pengajaran berkualiti, (ii) menyelia dan menilai pembelajaran, (iii) memperuntukkan dan melindungi masa pengajaran, (iv) menyelaras kurikulum dan (v) memantau kemajuan pelajar.

Sehubungan dengan itu, penjenamaan gelaran jawatan di Darul Quran selayaknya disesuaikan mengikut budaya dan persekitaran alam pendidikan dengan gred-gred jawatan yang sewajarnya berdasarkan tahap kesukaran (*complexity*) dan beban tugas (*workload*). Umpamanya gelaran jawatan ‘Pengarah’ wajar ditukarkan kepada ‘Rektor’ dengan dinaik taraf kepada gred yang lebih tinggi sekurang-kurangnya Jusa B. Demikian juga jawatan pengarah diwujudkan bagi mengetuai setiap bahagian atau pusat-pusat pengajian, manakala ketua-ketua jabatan pengajian juga dinaikkan kepada gred yang lebih tinggi. Begitu juga peluang kenaikan pangkat diberi kepada pensyarah-pensyarah yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi sebagaimana yang diimplimentasi dalam skim perkhidmatan pensyarah di institusi-institusi pengajian tinggi. Penjenamaan dan kenaikan gred ini akan dapat meningkatkan motivasi dan daya saing modal insan Darul Quran.

**b) Peningkatan standard profesionalisme Tenaga Pengajar Institusi Tahfiz**

Tidak dapat dinafikan dalam memperkatakan tentang kepentingan pendidikan, tenaga pengajar bukan sahaja memainkan peranan utama sebagai penyampai ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar, malah bertanggungjawab menyuburkan minat, memperkembangkan bakat dan kebolehan mereka. Pengajar juga merupakan sumber untuk membina daya pemikiran yang analitikal, kritikal dan kreatif bagi membentuk individu-individu yang boleh menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka selaras dengan hala tuju sistem pendidikan. Pengajar merupakan pelaksana kurikulum dan menjadi teras dalam menentukan standard, mutu dan keberkesanan sistem pendidikan.

Bagi memastikan seseorang pengajar dapat melaksanakan perubahan sesuai dengan keperluan zaman global ini dengan lebih berkesan, maka sudah semestinya mereka memiliki kemahiran yang pelbagai. Tenaga pengajar abad 21 mestilah merupakan pendidik serba boleh serta lincah dalam beberapa kemahiran termasuk keupayaan menggunakan media elektronik serta komputer untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka.

Dalam konteks membina keupayaan tenaga pengajar Darul Quran dan MTQN bagi memiliki kualiti yang bersifat kontemporari dan relevan dengan zamannya, beberapa kriteria perlu

diterapkan supaya mereka mempunyai kesediaan<sup>27</sup> dan mampu menghadapi perubahan zaman.

Antara kriteria-kriteria tersebut ialah:

- i. Berupaya memimpin perubahan
- ii. Mengutamakan daya pengeluaran tinggi dalam bidang kerjayanya
- iii. Sentiasa peka dan mengikuti perkembangan zaman
- iv. Memahami dan memanfaatkan perkembangan teknologi
- v. Mempunyai sifat proaktif, berani, mahu mencuba idea baru dan inovatif

Bagi merealisasikan matlamat tersebut, satu standard kompetensi dalam bidang perguruan dan program pendidikan bagi tenaga pengajar Darul Quran dan MTQN perlu diwujudkan sebagai satu piawai untuk membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab secara lebih berkesan dengan bimbingan terperinci ke arah meningkatkan kualiti pengajaran. Standard ini dibangunkan bagi membentuk jati diri dan motivasi mereka untuk memperlihatkan identiti sebagai penggerak institusi tahfiz di negara ini.

Dalam masa yang sama, kompetensi<sup>28</sup> tenaga pengajar tersebut perlu dibangunkan dengan pelaksanaan program yang berterusan dalam pelbagai bidang dengan kerjasama institusi

---

<sup>27</sup> Secara umumnya terdapat pola tertentu dari segi kesediaan guru terhadap peningkatan tahap profesionalisme mereka. klasifikasi tumpuan tersebut adalah kepada tahap berikut:

- i. Tumpuan Tiada Berkaitan: Guru tidak mahu mengambil tahu apa-apa perubahan yang berlaku di sekolah.
- ii. Tumpuan Berkaitan Peribadi: Guru melihat keupayaan diri sendiri untuk melaksanakan sesuatu tugas terutama dari segi kemahiran dan pengetahuannya. Aspek lain yang diberi tumpuan adalah berkaitan keluarga, kesihatan dan penggunaan masa senggangnya.
- iii. Tumpuan Berkaitan Tugas: Guru cenderung untuk melaksanakan tugas dengan cekap dan sentiasa berusaha menghasilkan yang terbaik terutama dari segi pengajaran dan pembelajaran.
- iv. Tumpuan Berkaitan Kesan: Guru mempunyai visi yang jelas terhadap peranannya sebagai pendidik secara holistik dalam konteks kemajuan pelajar, kebolehlaksanaan kurikulum dan implikasi kurikulum terhadap kemajuan negara.

<sup>28</sup> Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, dan ciri-ciri peribadi atau *personality traits* yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Menurut Kamus Dwibahasa Dewan, kompetensi adalah istilah bahasa Inggeris iaitu *competence* yang bermaksud kelayakan, kemampuan, kesanggupan, dan kecekapan untuk melakukan sesuatu tugas (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999).

Terdapat lima komponen kompetensi minimum bagi seseorang guru yang kompeten iaitu kurikulum, pedagogi, penilaian, sumbangan kepada institusi pengajian dan sumbangan kepada profesion.

- i. *Kurikulum*. Guru sepatutnya mempunyai pengetahuan tentang isi kandungan kursus yang diajar (kepakaran subjek) dan ianya dikemas kini.
- ii. *Pedagogi*. Guru mestilah tahu mengajar, menguruskan kelas menggunakan mod pembelajaran dan kaedah pengajaran yang sesuai dan teknologi pengajaran yang sesuai.

pengajian tinggi seperti UPSI dan IPG bagi mempertingkatkan kemahiran keguruan di samping meningkatkan domain pengetahuan dan kecekapan-kecekapan baru untuk membolehkan mereka mengikut peredaran zaman .

Dalam konteks ini, Darul Quran merancang melaksanakan program kepakaran pensyarah dalam bidang-bidang berkaitan al-Quran seperti kemahiran dalam bidang tarannum, qiraat dan sebagainya. Usaha-usaha membangunkan pensyarah bagi melahirkan *Subject Matter Expertise* berdasarkan bidang-bidang kritikal perlu dilakukan dengan mengadakan program 'grooming' melalui peluang-peluang latihan dalam dan luar negeri. Untuk itu, Darul Quran dan MTQN perlu menetapkan objektif kualiti dengan mengunjurkan 10 peratus daripada tenaga pengajar tetap di institusi tahfiz memiliki ijazah Sarjana dan 5 peratus memiliki ijazah Doktor Falsafah menjelang tahun 2020. Di samping itu, 100 peratus tenaga pengajar institusi tahfiz dikehendaki menghadiri kursus-kursus berkaitan pengajaran dan pembelajaran menjelang tahun 2018.

Pembangunan diri dan kompetensi tenaga pengajar Darul Quran dan MTQN boleh dilakukan dengan memberi peluang dan galakan kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi di institusi-institusi pengajian dalam dan luar negara. Di samping itu, keupayaan tenaga pengajar Darul Quran dan MTQN boleh dijana dengan memberi bimbingan dan perdedahan melalui program *coaching*, *mentoring* dan *attachment* di institusi-institusi pengajian yang berkaitan dengan bidang-bidang yang dikenalpasti.

Dalam masa yang sama, pemerksaan tenaga pengajar Darul Quran dan MTQN ini juga boleh dilakukan dengan pengambilan tenaga pakar pensyarah luar negara yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu. Pencarian tenaga pengajar yang berkompentensi tinggi dalam bidang tahfiz

---

iii. *Penilaian*. Guru seharusnya tahu untuk menilai hasil kerja pelajar, bagaimana menilai kemajuan pelajar, bagaimana melaporkan kemajuan kepada pelajar dan ibu bapa, bagaimana menyimpan rekod kemajuan pembelajaran dan bagaimana menetapkan tahap kemajuan.

iv. *Sumbangan kepada institusi pengajian*. Sebagai staf institusi pelajaran, setiap guru seharusnya memberi sumbangan yang konstruktif kepada sekolah secara meluas, menerima tanggungjawab fungsi yang luas kepada sekolah secara formal, secara tidak formal mengambil berat terhadap tugas dan budaya, mempunyai pelajar yang baik, reputasi dan pendirian komuniti serta hubungan ibu bapa dan seluruh komuniti.

v. *Sumbangan profesional*. Setiap guru diharapkan dapat mengamalkan profesion perguruan dengan menyertai perkembangan profesional, aktif dalam aktiviti profesional, menyumbangkan pembangunan dalam profesion perguruan dan asas kemahiran dan bersedia untuk membantu rakan secara profesional. Guru sepatutnya berfikir dan berkelakuan sebagai profesional.

al-Quran juga boleh dilakukan melalui pendekatan *talent scouting* bagi mengesan bakat dan kecenderungan bakal pensyarah muda yang menunjukkan pencapaian akademik dan keperibadian yang tinggi sejak di institusi pengajian lagi.

### **3.1.3. Pemerkasakan Program pengajian**

Darul Quran menjadikan bidang pengajian dan tahfiz al-Quran sebagai *niche area* yang disepadukan dengan program-program pengajian lain. Setakat ini di peringkat diploma, Darul Quran menawarkan enam bidang pengkhususan iaitu syukbah qiraat, dakwah, syariah, hadith, muamalat dan pengurusan halal. Keunikan yang ditampilkan ini menjadikan program pengajian di Darul Quran berbeza daripada program pengajian sedia ada di institusi pengajian tinggi lain di Malaysia.

Bagi memartabatkan Darul Quran, pemerksaan dilakukan melalui pengembangan program pengajian bagi semua peringkat iaitu di peringkat pensijilan, diploma dan ijazah di samping memperkenalkan program sijil kemahiran Malaysia yang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran. Di peringkat pensijilan, pengembangan program pengajian dilakukan bersama institusi-institusi pengajian tinggi dan agensi-agensi kerajaan seperti Universiti Putra Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia dan Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia. Di peringkat diploma pengembangan program pengajian dilakukan dengan memperkenalkan syukbah-syukbah baru dalam bidang-bidang yang dapat memenuhi keperluan pasaran seperti Diploma Tahfiz al-Quran Wal Falak, Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qanun, Diploma Tahfiz al-Quran Wal Fatawa dan sebagainya. Darul Quran juga menjalinkan kerjasama strategik dengan lebih banyak institusi pendidikan tinggi dalam dan luar negara bagi mewujudkan kolaborasi dalam menawarkan lebih banyak program pengajian di peringkat ijazah sarjana muda secara kerjasama.<sup>29</sup> Dalam masa yang sama, Darul Quran sedang menjalankan kajian untuk melaksanakan program ijazah sarjana muda yang dikeluarkan sendiri sebagaimana Institut Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia.

---

<sup>29</sup> Ketika ini Darul Quran sedang mengatur kerjasama mengadakan *Twinning Program* bagi pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Tahfiz al-Quran wal Qiraat dengan Syubra, Mesir.

Dalam konteks pemerksaan kualiti akademik, Darul Quran telah mengemukakan dokumen akreditasi kepada Pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk memastikan pembangunan kurikulum bagi semua peringkat program pengajian yang ditawarkan adalah mengikut piawaian kerangka kelayakan Malaysia (MQF).

Disamping itu, usaha-usaha untuk mendapatkan pengiktirafan dan penarafan daripada institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara juga terus dilaksanakan. Ini antara lain adalah bagi tujuan membolehkan pemegang diploma Darul Quran melanjutkan di institusi-institusi pengajian tinggi berkaitan di samping mengangkat martabat Darul Quran di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

#### **3.1.4. Pembudayaan Penyelidikan Dan Pembangunan Dalam Pendidikan Al-Quran**

Pemerksaan Darul Quran juga dilakukan dengan membudayakan penyelidikan dan pembangunan inovasi dalam pendidikan al-Quran. Penyelidikan dalam bidang al-Quran dan qiraat diperlukan untuk pembangunan pelbagai bidang ilmu pengetahuan baru dalam konteks perkembangan ilmu berkaitan al-Quran. Hasil penyelidikan yang dilakukan dapat membantu dalam pembangunan kurikulum pengajian Darul Quran yang lebih komprehensif. Bagi merealisasikan hasrat ini, pusat kecemerlangan ilmu al-Quran perlu diwujudkan umpamanya menubuhkan Pusat Kajian Ilmu Wahyu, Sains dan Isu-Isu Semasa dan mewujudkan jawatan fellow khas bagi mengendalikan kajian-kajian berkaitan. Hasil-hasil kajian yang dilakukan oleh pusat kajian ini akan dibentangkan melalui seminar, kolokium, simposium, dialog dan seumpamanya. Ini secara tidak langsung akan membabit Darul Quran sebagai institusi tahfiz yang terlibat secara aktif di dalam penganjuran seminar dalam dan luar negara yang berkaitan dengan al-Quran dan Qiraat.

Pemerksaan Darul Quran Jakim juga melibatkan pengwujudkan pengkalan data dan maklumat huffaz ke arah menjadikan Darul Quran sebagai pusat maklumat huffaz Malaysia bagi mengenalpasti trend pertambahan bilangan huffaz di Malaysia di samping membantu merancang prospek yang lebih baik kepada graduan tahfiz al-Quran di negara ini.



Pemeriksaan Darul Quran juga dilakukan menerusi penghasilan inovasi dalam bidang pelaksanaan kurikulum serta bidang pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Oleh kerana kurikulum<sup>30</sup> merupakan nadi kepada sistem pendidikan yang mencorakkan generasi akan datang, maka ianya perlu bersifat dinamik dan relevan dengan kehendak-kehendak semasa serta halatuju pendidikan dan aspirasi negara. Bagi menjana suatu sistem pendidikan yang berkualiti, maka inovasi pelaksanaan kurikulum perlu dilakukan supaya ianya relevan dan berupaya untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran tertentu bagi menghadapi persekitaran global setelah mereka melepasi alam persekolahan. Dalam konteks ini, Darul Quran mensasarkan lima produk inovasi berasaskan al-Quran dan Sunnah yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan menjelang 2020. Antara inovasi yang dilakukan ialah dengan memperkenalkan dan menjenamakan kaedah hafazan yang dilaksanakan di Darul Quran sebagaimana negara-negara lain menjenamakan kaedah-kaedah hafazan yang diperkenalkan oleh mereka.

### **3.1.5. Pemeriksaan Fungsi Darul Quran Sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan al-Quran di Malaysia**

Transformasi ini boleh dicapai menerusi agenda pemeriksaan Darul Quran sebagai pusat rujukan yang berwibawa dalam pengajian al-Quran dan ilmu yang berkaitan dengannya. Untuk itu, Darul Quran dalam rangka mewujudkan Dasar Pendidikan Tahfiz al-Quran Kebangsaan sebagai asas penanda aras bagi menentukan skop dan dasar penubuhan maahad-maahad tahfiz kepada semua pusat pengajian tahfiz di Malaysia sama ada yang ditubuh di peringkat negeri mahu pun persendirian.

Di samping itu, Darul Quran, Jakim melalui Dewan Huffaz Kebangsaan perlu memainkan peranan yang lebih efektif sebagai badan penilai dan akreditasi profesional penghafaz al-Quran di Malaysia untuk memperaku, memberi dan mengawal pengiktirafan penghafaz al-Quran dan institusi pengajian tahfiz al-Quran di Malaysia menerusi pembangunan Indeks Penarafan Huffaz Malaysia. Dalam masa yang sama Darul Quran sewajarnya mempunyai autoriti untuk memberi

---

<sup>30</sup> Dalam konteks di Malaysia, kurikulum ditakrifkan sebagai suatu program pendidikan yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, dan nilai-nilai kebudayaan serta kepercayaan untuk membantu perkembangan potensi seseorang murid secara seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI).

pengijazahan sanad bacaan al-Quran yang merupakan satu konsep pengajaran al-Quran yang paling berkesan dan berpengaruh dalam menentukan keaslian dan ketepatan bacaan al-Quran.

Dalam konteks pemeraksanaan ini, Darul Quran juga berperanan mengambil inisiatif untuk memartabatkan program pengajian dan khidmat kepakaran bagi memperkasa pembangunan program pengajian sedia ada di samping bertindak sebagai badan penilai pensijilan huffaz kebangsaan menerusi penganugerahan Sijil Tahfiz Malaysia (STM), menyediakan khidmat perundingan dan kepakaran tahfiz bagi membangun pendidikan tahfiz al-Quran serta memperkasa jaringan kerjasama strategik dengan institusi pengajian dalam dan luar negara bagi menawarkan lebih banyak program pengajian di peringkat diploma dan pensijilan tahfiz.

### **3.1.6. Pengwujudan Dan Pemantapan Jaringan Kerjasama Strategik Di Peringkat Nasional, Serantau Dan Antarabangsa Dalam Pembangunan Pendidikan Al-Quran**

Aspek pemeraksanaan Darul Quran, Jakim juga merentasi jaringan kerjasama dengan mengadakan perkongsian pintar (*smart partnership*) bersama institusi-institusi berautoriti dalam dan luar negara ke arah pembangunan pendidikan al-Quran. Hasrat ini dapat direalisasikan melalui jalinan kerjasama strategik di peringkat nasional bagi memastikan penyeragaman dan penyelarasan pelaksanaan program pengajian tahfiz al-Quran yang lebih berkesan di samping mewujudkan jaringan kerjasama strategik di peringkat serantau dan antarabangsa dalam aspek-aspek yang masih memerlukan kepakaran daripada institusi tahfiz di luar negara.

Bagi memperkasa kerjasama strategik di peringkat serantau dan antarabangsa, Darul Quran wajar membuka lebih banyak peluang kepada pelajar serantau dan antarabangsa untuk menyambung pengajian di Darul Quran. Bermula tahun 2016, Darul Quran, Jakim mensasarkan pertambahan jumlah pengambilan pelajar luar negara sebanyak 25 orang setahun. Di samping itu, Darul Quran juga, merancang untuk membina jaringan kerjasama strategik bagi menawarkan program mobiliti kepada para pensyarah dan para pelajar untuk menimba pengalaman di luar negara. Program sebegini dapat membantu usaha-usaha pengantarabangsaan Darul Quran, Jakim dan mengembangkan pasaran mobiliti ke dunia antarabangsa.

### **3.1.7. Pemeraksanaan Prasarana**

Dari segi pembangunan fizikal, pemeraksanaan Darul Quran boleh diimplementasikan melalui pengwujudkan persekitaran dan prasarana yang kondusif. Usaha baikpulih dan naik taraf prasarana sedia ada sedang dalam tindakan dan pembinaan prasarana baru di Darul Quran akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia ke sebelas (RMK-11). Usaha menaik taraf dan membangunkan prasarana fizikal dan kemudahan asas di Darul Quran ini adalah selari dengan unjuran pertambahan jumlah pelajar menjelang tahun 2022 yang dijangka seramai 1,800 orang.

Selain usaha menaik taraf prasarana dan pembangunan fizikal, Darul Quran juga mensasarkan untuk melestarikan persekitaran pembelajaran dengan mewujudkan persekitaran kondusif kepada pelajar dan kakitangan. Dalam hal ini, Darul Quran, Jakim sedang menyahut seruan kerajaan untuk mengaplikasikan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di semua unit dan cawangan bermula tahun 2015.

### **3.1.8. Penampilan Identiti Dan Imej Korporat Darul Quran**

Sebagai peneraju institusi tahfiz terulung di negara ini yang mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam, Darul Quran wajar mempamerkan penampilan identiti dan imej korporat yang tersendiri. Imej korporat Darul Quran yang beridentitikan *hifz al-Quran* atau penjaga al-Quran perlu ditonjol dan diimplimentasi dalam penampilan dan tindakan semua warga Darul Quran. Pengwujudan identiti korporat Darul Quran ini, diharap dapat memupuk semangat cintakan organisasi dalam kalangan warga sepenuhnya di samping dapat menonjol imej Darul Quran di persada dunia.

Penampilan identiti dan imej korporat Darul Quran ini boleh dilaksanakan antara lainnya dengan memperkenalkan *trademark* sendiri seperti logo Darul Quran, peralatan istiadat konvokesyen dan sebagainya.

### **3.1.9. Pemeraksanaan Kualiti Dan Kebolehpasaran Pelajar**

Pendidikan merupakan salah satu daripada medium utama dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia,

berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan agama, ummah dan negara. Oleh itu, program pemeraksanaan Darul Quran tidak mengeneipkan aspek kemenjadian pelajar sebagai produk yang dihasilkan, sebaliknya golongan ini dijadikan sebagai indikator pengukur kecemerlangan pengurusan pendidikan di Darul Quran.

Ini adalah kerana agenda pemeraksanaan mengambilkira modal insan yang ingin dihasilkan supaya mereka mampu untuk berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah dan memcabar. Dengan kata lain, matlamat akhir pemeraksanaan Darul Quran adalah untuk melahirkan individu pelajar yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani supaya mampu berhadapan dengan arus globalisasi yang bersamanya membawa masuk pelbagai budaya yang bertentangan dengan budaya Islam dan setempat.<sup>31</sup>

Dalam konteks objektif peningkatan kualiti dan kecemerlangan prestasi pelajar, Darul Quran mensasarkan pencapaian sekurang-kurangnya sepuluh peratus graduan memperolehi pangkat mumtaz di peringkat diploma setiap tahun. Penetapan sasaran kecemerlangan pelajar adalah penting bagi memastikan kebolehpasaran lepasan Darul Quran sama ada untuk tujuan penyambungan pengajian di dalam dan luar negara, memenuhi kelayakan yang tinggi dalam pasaran kerja serta penerimaan dan pengiktirafan masyarakat terhadap kualiti dan jati diri mereka.

---

<sup>31</sup> Antara langkah-langkah proaktif yang diperlukan bagi melahirkan pelajar yang mempunyai ciri tertentu bagi persediaan menghadapi persaingan global iaitu dari segi:

- i. Mempunyai budaya pembelajaran sepanjang hayat
- ii. Mempunyai kebolehan untuk berkomunikasi dalam bahasa ibunda dan bahasa antara bangsa
- iii. Menguasai kemahiran teknologi untuk keperluan pekerjaan dan kehidupan seharian
- iv. Bersedia dari segi kognitif untuk tugas yang kompleks dan mencabar, menyelesaikan masalah serta menjana pengetahuan baru.

### **3.1.10. Pemeraksanaan Darul Quran Sebagai Pusat Rujukan Masyarakat Dalam Pendidikan al-Quran**

Salah satu pendekatan pemeraksanaan Darul Quran ialah dengan menjadikannya sebagai sebahagian daripada institusi yang dekat di hati masyarakat. Program ini dapat direalisasikan menerusi pendekatan memasyarakatkan Darul Quran iaitu melalui penganjuran program berteraskan al-Quran kepada masyarakat di luar kampus Darul Quran atau melibatkan masyarakat luar dengan aktiviti yang bersesuaian yang dijalankan dalam kampus Darul Quran. Antara program yang bersesuaian ialah Program Pembelajaran Berterusan atau Program Pembelajaran Sepanjang Hayat yang dilaksanakan melalui penganjuran aktiviti kursus-kursus pembangunan professional jangka pendek, bengkel dan seminar untuk pihak industri dan komuniti setempat serta program kerjasama dengan agensi atau badan profesional berorientasikan bidang pengajian Islam dan al-Quran. Antara program yang boleh dilaksanakan ialah program pensijilan jangka pendek iaitu Sijil Tinggi Tarannum al-Quran (STTQ), Sijil Tahfiz bagi orang kurang upaya masalah penglihatan (OKUMP), Sijil Pengajian Turath, Sijil Ruqyah Syar'iyah, Sijil Talaqqi al-Quran bersanad dan Program kemahiran khat dan kaligrafi Islam.

### **IMPAK PEMERKASAAN DARUL QURAN DALAM MEMARTABATKAN PENDIDIKAN TAHFIZ DI MALAYSIA**

Dalam era transformasi dunia pendidikan di Malaysia masa kini, kesedaran mengenai kepentingan pendidikan bagi memajukan diri dalam menghadapi cabaran kehidupan semakin meningkat. Masyarakat masa kini sangat prihatin dan mengikuti perkembangan pendidikan dengan penuh minat dan bersikap kritikal terhadap isu-isu berbangkit yang berkaitan dengan kemajuan pendidikan. Justeru, pemeraksanaan Darul Quran juga tidak terkecuali daripada menjadi pemerhatian masyarakat kerana kesannya dapat memberi impak kepada pendidikan khususnya pengajian tahfiz al-Quran.

Tidak dapat dinafikan bahawa pemeraksanaan Darul Quran memberi impak yang besar dalam memartabatkan pendidikan tahfiz di negara ini. Secara umumnya pemeraksanaan ini akan

menobatkan program pengajian tahfiz al-Quran sebaris dengan bidang pengajian dan pendidikan arus perdana yang lain. Dalam masa yang sama pemerksaan ini akan dapat meningkat dan memantapkan kualiti pelbagai aspek organisasi pendidikan meliputi:

- i. Kualiti pengajaran
- ii. Kualiti perkhidmatan
- iii. Kualiti kurikulum
- iv. Kualiti penilaian dan pensijilan
- v. Kualiti pensyarah
- vi. Kualiti perkembangan dan kebajikan pelajar
- vii. Kualiti persekitaran budaya pelajar dan organisasi
- viii. Kualiti pengurusan dan pentadbiran Darul Quran
- ix. Kualiti kepimpinan Darul Quran
- x. Kualiti penyeliaan
- xi. Kualiti mentoring dan
- xii. Kualiti perkembangan staf atau tenaga pengajar

Pemerksaan ini boleh dilihat sebagai langkah positif ke arah pengembangan dimensi baru dalam bidang ilmu al-Quran dan tahfiz al-Quran di negara ini. Ini terhasil melalui hubungan kerjasama yang strategik dalam kalangan negara-negara serantau dan antarabangsa. Penganjuran aktiviti-aktiviti berbentuk program pengajian berkembar (*twinning* program) dan aktiviti penyelidikan bersama berkaitan al-Quran dapat memantapkan kualiti dan martabat pendidikan tahfiz di negara ini. Justeru, memperkasakan Darul Quran sekaligus membawa erti memartabatkan Malaysia sebagai Hub Pengajian Al-Quran. Peluang ini sewajarnya dimanfaatkan sebaik-baiknya bagi melonjak kedudukan Malaysia dalam kalangan negara-negara Islam khususnya. Dalam masa yang sama, Malaysia mampu mengenengahkan ideologi yang berteraskan al-Quran di persada antarabangsa sebagaimana yang dilakukan oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Abdul Razak, Perdana Menteri dalam mengenengahkan konsep *wasatiyyah* dalam forum antarabangsa. Ini sekaligus memberi ruang kepada mereka memahami konsep-konsep sejagat yang diketengahkan oleh al-Quran di samping dapat menghindari mereka dari mempunyai persepsi yang salah terhadap Islam.

Dalam konteks hubungan antara negeri di Malaysia, cadangan pemerksaan ini mampu membentuk persepakatan dan penyelarasan dalam bidang pembangunan pengajian al-Quran dan

tahfiz al-Quran. Situasi ini akan mengurangkan jurang dan saingan kurang sihat antara pusat-pusat tahfiz sama ada di peringkat negeri atau persendirian, sebaliknya penyelarasan dan persepakatan ini mewujudkan elemen saling lengkap melengkapi antara satu sama lain.

Pemeriksaan ini juga dapat mengurangkan penghantaran keluar pelajar-pelajar Malaysia yang melanjutkan pengajian asas dalam bidang al-Quran dan tahfiz al-Quran kerana program pengajian tersebut telah ditawarkan dalam institusi pengajian tempatan di dalam negara. Penghantaran keluar pelajar-pelajar Malaysia hanya dalam kalangan mereka yang melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Ini akan mengurangkan dan menjimat kos pembiayaan pengajian di luar Negara di samping dapat memberi peluang yang lebih ramai kepada pelajar-pelajar pengajian tahfiz melanjutkan penganjian di peringkat yang lebih tinggi.

Dilihat dari aspek pembangunan modal insan, cadangan pemeriksaan ini juga akan dapat meramaikan kemasukan pakar dalam dalam bidang al-Quran dan tahfiz al-Quran. Ini memberi peluang ke arah melahirkan pelajar yang cemerlang, berkualiti dan berdaya saing di peringkat global. Dalam masa yang sama peluang ini juga boleh diambil bagi meningkatkan kualiti pendidikan tahfiz al-Quran dengan memanfaatkan tenaga pakar tersebut bagi membimbing dan membangunkan modal insan tenaga pengajar sedia ada di institusi-institusi tahfiz tempatan.

## **6. Kesimpulan**

Kini sudah tiba masanya Darul Quran sebagai peneraju pengajian dalam bidang al-Quran dan tahfiz al-Quran melakukan anjakan besar yang melibatkan elemen fizikal dan bukan fizikal bersesuaian dengan kehendak dan keperluan negara masa kini. Cadangan transformasi ini dikemukakan memandangkan Darul Quran, Jakim telah dikenali sebagai sebuah pusat pengajian tahfiz di bawah kerajaan persekutuan yang telah ditubuhkan sejak 49 tahun yang lalu. Transformasi ini boleh dicapai menerusi agenda pemeriksaan Darul Quran, Jakim yang merupakan hub pengajian tahfiz al-Quran negara yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Program pemeriksaan ini mampu melonjakkan Darul Quran sebagai sebuah pusat yang menjadi rujukan yang berwibawa dalam pengajian al-Quran dan ilmu yang berkaitan dengannya.

## RUJUKAN

Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, Kamarul Azmi Jasmi, *Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam*, dlm GJAT Disember 2012, Vol. 2 Issue 2, www.gjat.my

Adnan Mohamed Yusoff (2013) “ *Universiti Darul Quran Manifestasi Transformasi Pengajian Al-Quran Di Malaysia*” dlm Jurnal Darul Quran Bil. 17 Tahun 2013/1434, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Aminuddin Mohd. Yusof, (1994). *Kepimpinan, Motivasi dan Prestasi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Dr. Amini Amir Abdullah, *Transformasi Dan Pemeraksanaan Pendidikan Islam Di Malaysia: Isu, Cabaran Dan Penyelesaian*, Kertas kerja Kongres NGO-NGO Islam, 21 Mei 2014, Dewan Canselor Tuanku Abdul Rahman, UKM. hal. 10

Himpunan Kertas Kerja dalam Prosiding Seminar Qiraat dan Quraa’ Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu, (International Seminar on Qiraat and Qurra SQ2010) (*softcopy*), 29-30 Oktober 2010.

Ismail bin Muhammad, *PERANAN JAKIM DALAM PEMBANGUNAN INSTITUSI QIRAAT DI MALAYSIA*, Prosiding Seminar Qiraat dan Quraa’ Universiti Sultan Zainal Abidin (*softcopy*), 29-30 Oktober 2010: 36-42.)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2003) *Sambutan 35 Tahun JAKIM (1968 – 2003)*, cetakan Pertama

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2012) *JAKIM 4 Dekad memacu Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam*, cetakan Pertama Putrajaya

(Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2013), *Kejayaan Institusi-Institusi Agama Di Bawah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM))

Laman web Darul Quran [www.darulquran.gov.my](http://www.darulquran.gov.my)

Mohd Hairudin Amin Dan Kamarul Azmi Kasmi (2012), *Sekolah agama Di Malaysia Sejarah, Isu & Cabaran*, Johor Bharu: Penerbit UTM Press

Mohd Salleh Lebar, *Sistem Pendidikan Yang Berkualiti: “Bagaimana Ia Diukur Dan Dicapai”*, dlm Jurnal Pendidikan Islam, Jil.11 Bil.1.

Phillip Loh Fook Seng [1975], ***Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874-1940***, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hal. 13.